



Persiapkan belia dengan ilmu keduniaan dan kerohanian

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BERIBI, Isnin, 19 Jun. - Belia merupakan generasi masa kini untuk kelangsungan kepimpinan

MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof hadir selaku tetamu kehormat pada Pertemuan Belia dan Kepimpinan Belia bagi Bulan Ramadan 1438 Hijrah.

masa hadapan. Sebagai seorang pemimpin, para belia bukan sahaja perlu dipersiapkan dengan ilmu-ilmu keduniaan tetapi mereka juga perlu dipersiapkan dengan ilmu-ilmu kerohanian.

Sehubungan itu, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Belia dan Sukan (JBS) sebagai salah satu agensi yang memeduli para belia telah menganjurkan Pertemuan Belia dan Kepimpinan Belia bagi Bulan Ramadan 1438 Hijrah di Masjid Kampung Beribi, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Juga hadir, Pemangku Setiausaha Tetap KKBS, Awang Haji Amir Hamzah bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Awang Haji Zakaria; pengarah-pengarah KKBS, pegawai-pegawai kanan serta pegawai KKBS.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah diikuti dengan Forum 'Menghidupkan Jiwa dengan Al-Quran' yang dipengerusikan oleh Pegawai Pelajaran Kementerian Pendidikan, Awang

Mohd. Dzulhilmi bin Haji Berahim.

Sementara itu, ahli panel forum pula terdiri daripada Penolong Pensyarah Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Awang Haji Mohd. Khairul Nazif bin Haji Awang Damit dan Pendakwah Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Dr. Dayang Hajah Umi Fa'izah binti Haji Abdul Rahman.

Majlis diteruskan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahliil yang dikepalai Imam Masjid Kampung Beribi, Awang Haji Abidin bin Haji Metarsad disusuli dengan penyampaian sumbangan berbentuk kelengkapan daripada Alumni Program Belia Cinta Tanah Air untuk Masjid Kampung Beribi.

Seramai 350 belia dan pemimpin belia terdiri daripada pelbagai latar belakang termasuk persatuan-persatuan belia, sukarelawan belia, bekas peserta Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara, Alumni Program Belia Cinta Tanah Air dan Alumni Program Khidmat Bakti Negara menghadiri majlis tersebut.

Pertemuan seumpama ini merupakan salah satu lagi inisiatif KKBS dalam menyatupadukan para belia dan kepimpinan belia selaras dengan misi 'Mencapai Masyarakat Cemerlang Yang Beragama, Berbudaya, Penyayang, Cerdas, Bersatu Padu, Dinamik dan Berwawasan'.



BELIAWANIS dan pemimpin belia yang hadir pada Pertemuan Belia dan Kepimpinan Belia bagi Bulan Ramadan 1438 Hijrah di Masjid Kampung Beribi.

Program Asuhan Kerohanian tingkatkan ketakwaan peserta

Berita dan Foto : Ihsan Syahmi Halimshah



KETUA Pesuruhjaya Pengakap, Haji Awang Badar bin Haji Awang Ali (duduk di tengah, empat dari kanan) semasa bergambar ramai bersama para peserta Program Asuhan Kerohanian Ke-4.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 Jun. - Lebih 40 ahli Pengakap Muda, Pengakap Remaja dan Pengakap Kelana berjaya menamatkan Program Asuhan Kerohanian Ke-4 yang berlangsung pada 18 Jun yang lalu di Bilik Persidangan, Bangunan Ibu Pejabat Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) dan Balai Ibadah PPNBD.

Majlis penyampaian sijil kepada para peserta disempurnakan oleh Ketua Pesuruhjaya Pengakap, Haji Awang Badar bin Haji Awang Ali.

Turut hadir, Pesuruhjaya-pesuruhjaya Pengakap, Pegawai Eksekutif Pengakap dan para pemimpin pasukan pengakap.

Program keagamaan anjuran PPNBD melalui 'Messengers of Peace' Brunei, Bahagian Keagamaan dan Bahagian

Perhubungan Awam itu bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman peserta tentang agama Islam dan melahirkan insan yang bertanggungjawab dalam membuat amal kebajikan.

Dalam program tersebut, para peserta berpeluang mendengarkan ceramah keagamaan 'Hikmah Solat Dalam Hidup Berpasukan' dari penceramah Pusat Da'wah Islamiah, Awang Isham bin Ismail. Para peserta juga didedahkan dengan tatacara menghalusi solat yang disampaikan oleh penuntut-penuntut Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan. Antara aktiviti lain para peserta seperti Tadarus Al-Quran, terbuka puasa, Sembahyang Tarawih, Qiyamulail, terapi jiwa (kesedaran menyayangi ibu bapa) dan membersihkan Balai Ibadah PPNBD.

Badan Tanmiah Harta adakan Majlis Khatam Al-Quran

Siaran Akhbar dan Foto : Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 Jun. - Pegawai-pegawai dan kakitangan Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam mengadakan Majlis Khatam Al-Quran sebagai penutup Tadarus Al-Quran yang telah diadakan sejak awal Ramadan.

Majlis tersebut diadakan di Pejabat Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam, Jalan Kota Batu, di sini.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang dipimpin oleh Pengarah Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam, Awang Haji

Mohammad Ja'afar bin Haji Johari diikuti dengan acara Khatam Al-Quran, bacaan Tahtim dan Dikir Marhaban.

Juga hadir, tenaga pengajar Al-Quran Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Aktiviti keagamaan adalah aktiviti tahunan yang diadakan bagi memeriahkan serta merebut keberkatan dan ganjaran pahala dalam bulan Ramadan, di samping mengeratkan dan mengukuhkan hubungan silaturahim dalam kalangan pegawai dan kakitangan badan berkenaan.



MAJLIS Khatam Al-Quran yang dikendalikan oleh Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam bertempat di Pejabat Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam, Jalan Kota Batu.